



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Disember 2023  
11 jamadilakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Rajuk penyus belimbing di Rantau Abang
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	8	24/12/2023

Oleh Zaid Mohd. Noor dan Kamaliza Kamaruddin  
 @zaidnoor@me.kamaliza.com

**KUALA TERENGGANU:** Zaman kegemilangan Rantau Abang di Dungun sebagai antara lokasi pendaratan penyu belimbing yang penting di dunia, kini dilihat mustahil berulang berikutan spesies tersebut telah lenyap dari perairan Terengganu.

Pendaratan terakhir penyu belimbing yang pernah direkodkan di negeri ini ialah pada 2017.

Malah seorang pakar pemuliharaan penyu telah membuat analisis trend pendaratan dan memetakan kepupusan spesies itu berlaku seawal tahun 2003.

Dr. Chan Eng Heng juga bekas pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, kehadiran penyu belimbing ke pantai-pantai Terengganu mula disedari pada awal 1950-an, namun rekod pertama yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri hanya bermula pada tahun 1967.

Sejak itu, industri pelancongan di Terengganu khususnya Rantau Abang di Dungun berkembang pantas dengan tumpuan pelancong seluruh dunia ke lokasi tersebut untuk menyaksikan pendaratan penyu belimbing.

"Rekod tertinggi yang pernah dicatatkan oleh penyelidik tempatan ialah sekitar 10,000 sarang pada akhir tahun 1960-an dengan anggaran penghasilan sebanyak 853,000 butir telur.

"Kajian yang pernah dijalankan penyelidik tempatan hasil temu bual dengan penajak telur berlesen pada 1978 pula merekodkan peneamatan 3,500 sarang (294,000 telur) pada satu-satu masa ketika ini.

"Ia adalah zaman emas pendaratan penyu belimbing di Terengganu. Bagaimanapun bermula tahun 1978 hingga 1980, jumlah sarang yang direkodkan mula menurun pada kadar purata 469 sarang atau 31 peratus setahun," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Ditanya punca penurunan tersebut, beliau yang pernah menerima pengiktirafan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atas usahanya untuk melindungi penyu berkata, terdapat banyak faktor termasuk komangan dalam bidang teknologi penangkapan ikan dan penggunaan pukat pada waktu itu.

Ia menyebabkan banyak penyu belimbing mati di lautan akibat lemas dalam pukat nelayan.

"Pencemaran alam sekitar yang berlaku di lautan juga menyebabkan kematian penyu belimbing akibat terjeram plastik yang disangka ubur-ubur. Malah kepantasan industri pelancongan sedikit-sebut menganggu pendaratan spesies penyu belimbing ke pantai-pantai sekitar Terengganu," katanya.

Eng Heng berkata, penjualan



KALI terakhir pendaratan penyu belimbing direkodkan di Terengganu ialah pada 2017.

Enam tahun sudah tidak mendarat di Terengganu

## Rajuk penyu belimbing di Rantau Abang

**Rekod tertinggi yang pernah dicatatkan oleh penyelidik tempatan ialah sekitar 10,000 sarang pada akhir tahun 1960-an dengan anggaran penghasilan sebanyak 853,000 butir telur."**

DR. CHAN ENG HENG

telur penyu belimbing yang dimakan secara berleluasa oleh penduduk Terengganu satu ketika dahulu turut menjadi antara faktor pupusnyanya haiwan tersebut.

"Proses inkubasi telur-telur penyu belimbing yang tidak mencukupi juga menyebabkan usaha menambah populasi itu agak terlamat," katanya.

Program konservasi penyu belimbing mula diperkasa pada 1985 melalui kerjasama kerajaan, agensi swasta dengan dipelepori oleh UMT secara besar-besaran.

Beliau berkata, kerajaan ne-



AKTIVIS pemuliharaan penyu mengumpul telur hidupan marin itu untuk diserahkan kepada Jabatan Perikanan bagi tujuan penetasan di Pantai Batu Buruk, Terengganu. - MINGGUAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

geri mula mengharamkan amalan makan telur penyu belimbing pada akhir 1988 sebagai usaha memulihara spesies tersebut dan diperkasa dengan perawataan bertapa lokasi pantai pajakan.

Namun seperti yang diramalkan saintis, kepupusan penyu belimbing sukar dibendung kerana pelbagai faktor dan cabaran semua pihak ketika ini adalah untuk mengekalkan tiga lagi spesies penyu iaitu agar, karah dan lipas yang masih ada untuk latapan generasi akan datang," katanya.

**BELI TELUR PENYU BELIMBING UNTUK DIERAM**

Sementara itu, Jabatan Perikanan Negeri Terengganu mingingu aiukan sekiranya terdapat swarik swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini berminat membeli telur penyu belimbing dan luar negara untuk dieram di negeri ini.

Usaha murni itu wajar dilakukan dalam usaha memastikan hidupan marin itu yang semakin pupus kembali mendarat di perairan Terengganu.

Pengarahnya, Ruzaidi Mamat

berkata, penglibatan swarik swasta dan NGO penting dalam menayakan hasrat tersebut memandangkan kos membeli dan membawanya pulang agak tinggi. Selain mengambil kira maklum balas daripada pasukan penyelidik memandangkan telur penyu sangat sensitif.

"Saya difahamkan cadangan membawa masuk telur penyu belimbing dan luar negara untuk dieramkan pernah dikemukakan beberapa tahun lalu, namun saya tidak pasti pula sejauh mana pelaksanaannya," katanya.

Berdasarkan rekod, penyu belimbing kali terakhir mendarat dan bertelur di Terengganu adalah di kawasan pantai antara Jambu Hongkok dan Rantau Abang pada 2017.

Bagaimanapun, jumlah keseluruhan pendaratan penyu meli-batkan spesies agat dan karah semakin meningkat berbanding tahun sebelum ini.

Sehanyak 10,127 sarang penyu tersebut ditemukan yang menghasilkan 741,272 butir telur pada tahun ini manakala 9,632 sarang penyu dijumpai dengan 807,352 butir telur tahun 2022.

Namun, katanya, tiada rekod pendaratan penyu lipas di negeri ini pada tahun ini dan tahun lalu.

"Sebanyak 463,683 ekor anak penyu juga telah dilepaskan di perairan Terengganu pada tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, larangan penjualan telur penyu di negeri ini sejak 1 Jun tahun lalu yang dikuatkuasakan mengikut Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 Pindaan 2021 didapati memberi kesan positif dari sudut kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan haiwan marin tersebut.

**JADIKAN KEPUPUSAN SEBAGAI IKTIBAR**

Terengganu perlu menjadikan kepupusan penyu belimbing sebagai iktibar untuk mengelakkan situasi serupa menimpa tiga lagi spesies penyu yang masih ada di negeri ini ketika ini.

Fokus pemuliharaan tiga lagi spesies iaitu penyu karah, agat dan penyu lipas perlu dipertingkatkan kerana ia adalah aset berharga terutama dalam aspek pelancongan di Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris berkata, agak mustahil mengembalikan semula kegemilangan Rantau Abang sebagai antara lokasi pendaratan utama penyu belimbing di dunia, namun penyu masih ada untuk memastikan Terengganu menjadi 'rumah' untuk baki tiga spesies tersebut.

"Ranyak faktor kepupusan penyu belimbing telah dinyatakan oleh golongan saintis dan penyelidik sebelum ini. Kita juga tidak menjangka bahawa perubahan ekosistem laut serta pantai kerana



UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	9	24/12/2023

## Dalam Negeri



**AKITANGAN** Jabatan Perikanan Terengganu mengumpul anak penyu agar sebelum dilepaskan ke laut di Pusat Santuari Penyu Ma'Daerah, Kerteh, Kemaman.



**ORANG** ramai teruja berpeluang melihat dengan lebih dekat anak-anak penyu agar yang dilepaskan di Pantai Kelulut, Marang, Terengganu. -MINGGUAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

encemaran dan pembangunan juga antara faktor penyu belimbing pupus di Rantau Abang.

"Kita perlu *move on* dengan fokus memastikan tiga lagi spesies penyu itu kekal di Terengganu dan mampu diwariskan untuk generasi akan datang," katanya.

### JANGAN MERAJUK LAGI

"Datanglah semula ke Rantau Abang, jangan merajuk lagi. Itulah jahan seorang pemajak telur pe-

nyu di Pantai Rantau Abang yang merindui untuk membelai penyu belimbing yang kali terakhir ditemukannya mendarat untuk bertelur di pantai itu pada 15 Julai 2010.

Mohd. Salleh, 77, yang tinggal di Rantau Abang berkata, dia selepas itu tidak lagi bertemu dengan penyu belimbing singgah dan bertelur di Rantau Abang, sambil melepas lelah setelah menjelajah perairan dunia.

Dia kecewa apabila harapan-

nya untuk bertemu semula penyu raksasa itu belum tercapai hingga sekarang, namun tetap mengharap penyu tersebut akan menjenguk Rantau Abang yang kini hilang seri.

"Saya kebiasaannya berbisik kepada penyu belimbing yang mendarat dan bertelur di pantai ini supaya kembali muncul di Rantau Abang termasuk yang ditemukan pada 2010 itu.

"Selepas berbisik, saya akan

mencait wangian di hidung penyu belimbing dengan harapan mengingatkan wangian tersebut apabila menghampiri pengairan Terengganu dan mendarat semula di pantai ini," katanya ketika ditemui di rumahnya di Rantau Abang.

Mohd. yang lebih dikenali Pak Non berkata, penyu belimbing yang ditemukan itu berukuran kira-kira 1.5 meter lebar dan dua meter panjang.

Katanya, dia sendiri tidak pasti

punca penyu belimbing merajuk sehingga tidak ingin mendarat lagi di Rantau Abang.

Namun, dia tidak menolak kemungkinan kerana hidupan laut itu banyak dikasari dan mati angkara perbuatan manusia, sama ada di laut atau di pantai.

"Saya percaya penyu belimbing masih ada, tidak lenyap di perairan negara ini, sebaliknya tetap wujud walaupun tidak banyak seperti dahulu," katanya.